

Muhyiddin kembali bertugas

84 - 5/6/2020 mk:2

PM tamat jalani kuarantin 14 hari mulakan tugas dengan menghadap Seri Paduka

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin yang tamat tempoh kuarantin selama 14 hari sejak 22 Mei lalu, kembali bertugas di pejabatnya, semalam.

Perdana Menteri memulakan tugas dengan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebelum mesyuarat Jemaah Menteri menerusi persi-

dangan video.

Perdana Menteri kemudian mempengerusikan mesyuarat Kabinet yang diadakan secara persidangan video dengan menteri yang berada di dua bilik mesyuarat berasingan di bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

"Langkah yang julung kali diadakan itu bagi menjamin amalan penjarakan sosial dan penjagaan kesihatan yang ketat dapat dilaksanakan pada setiap masa," menurut kenyataan yang dikongsi Perdana Menteri menerusi han-

taran Facebook rasminya semalam.

Muhyiddin menjalani perintah kuarantin selepas seorang daripada pegawai yang hadir pada mesyuarat pasca-Kabinet di pejabatnya disahkan positif COVID-19.

Sepanjang tempoh kuarantin itu, Perdana Menteri menjalankan tugas rasmi dari rumah.

Pada 2 Jun lalu, Muhyiddin sekali lagi menjalani ujian saringan COVID-19 dan disahkan negatif.